

# Bengkel mantapkan kajian fatwa

BAHAGIAN Pengurusan Fatwa telah mengadakan Bengkel Metodologi Penyelidikan dan Penyediaan Kertas Kajian Fatwa bertempat di Hotel Empress , Bandar Baru Salak Tinggi.

Bengkel pada 22 hingga 24 November 2011 itu disertai oleh Timbalan-timbalan Mufti Negeri dan pegawai-pegawai penyelidik /istinbat dan buhuth daripada Jabatan Mufti Seluruh Malaysia.

Objektif penganjuran bengkel ini adalah memberikan pendedahan kepada para peserta tentang asas dan kaedah metodologi penyelidikan hukum dan fatwa serta kepentingan takhrij hadis dalam penyelidikan fatwa dan hukum.

Bengkel ini juga mendedahkan para peserta dengan kaedah penyediaan kertas kajian fatwa berdasarkan format yang ditampikan oleh Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Di samping itu juga, proses pembinaan sighth fatwa berdasarkan prinsip undang-undang juga didedahkan semasa bengkel ini.

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Prof Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Hussin menyampaikan ucaptama bengkel tersebut.

Sebanyak lima kertas kerja dibentangkan sepanjang bengkel ini iaitu:

- Asas dan Kaedah Metodologi Penyelidikan Hukum dan Fatwa oleh Dr. Zaharuddin Abdul Rahman dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

- Metodologi Penyelidikan Hukum dan Fatwa; Kepentingan Takhrij Hadis oleh Prof Dr. Jawiah Dakir dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Metodologi Penyelidikan Hukum dan Fatwa oleh Dr. Zukifli Mohamad alBakri , Ahli Panel Kajian Syariah Jakim.

- Penyediaan Kertas Kajian Fatwa; Pengalaman Bahagian Penyelidikan Jakim oleh Kamarulzaman Mustappa dan Aizam Mas'od.

- Pembinaan dan Pembentukan Sighth Fatwa; Pandangan dari Prinsip Undang-undang oleh Syahrizal Shah Zakaria dari Pejabat Penasihat Undang-Undang Jakim.

Bengkel ini juga melahirkan beberapa resolusi yang penting untuk diambil tindakan dari semasa ke semasa.